

28 AUG 1996

DR MAHATHIR LAWAT LEMBAH DANUM

KOTA KINABALU, 28 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan berada di Sabah sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-39 Sabtu ini, dijadualkan melawat dan bermalam di kawasan hutan Lembah Danum, dekat Lahad Datu di timur Sabah pada hari yang sama.

Kawasan Lembah Danum seluas 438 km persegi merupakan sebuah pusat penyelidikan terutama bagi sains perhutanan.

Dr Mahathir dijadualkan tiba di sini dari Labuan pada pagi Jumaat dan akan terus menaiki helikopter ke Pantai Dalit di Tuaran kira-kira 40 km dari sini untuk merasmikan Pusat Peranginan Rasa Ria.

Perdana Menteri kemudian akan menyertai Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar untuk menunaikan fardhu Jumaat di Masjid Negeri di Sembulan sebelum melancarkan kempen "Malaysia Boleh, Sabah Boleh" di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Likas di sini.

Pada sebelah malam, beliau sekali lagi bersama Seri Paduka untuk menghadiri majlis santapan malam negeri di Dewan Bankuasi bangunan Dewan Undangan Negeri di Likas.

Beberapa menteri kerajaan Persekutuan sudahpun berada di sini manakala yang lain dijadualkan tiba mulai mulai esok.

Dr Mahathir dijadualkan berlepas pulang ke Kuala Lumpur dari Tawau pada 1 Sept. -- BERNAMA

KG NAK